



18 SEP, 2026

Perlindungan subsidi elektrik diperluas ke 800 kWj sebulan

Berita Harian, Malaysia



Perlindungan subsidi elektrik diperluas ke 800 kWj sebulan

Tindakan segera kerajaan tangani tekanan hidup rakyat

Oleh Nooratiqah Sulaiman
dnnews@dn.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam memutuskan untuk menambah baik subsidi bil elektrik untuk rakyat dengan memperluaskan tahap perlindungan daripada 600 kilowatt-jam (kWj) kepada 800 kWj sebulan.

Perlindungan itu berkuat kuasa bagi penggunaan elektrik mulai September hingga 31 Disember 2026, diambil sebagai tindakan segera bagi menangani tekanan hidup rakyat saat ini.

Melalui langkah itu, pengguna domestik menggunakan elektrik sehingga 800 kWj sebulan akan diberikan perlindungan membatalkan pengecualian Pelarasan Kos Bahan Api Automatik (APA), Caj Peruncitan dan Cukai Jualan



Anwar mempengerusikan mesyuarat berkaitan isu kenaikan bil elektrik di Kementerian Kewangan, semalam.
(Foto FB Anwar Ibrahim)

dan Perkhidmatan (Sales & Service Tax).

Mengumumkan demikian melalui hantaran di Facebook, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan sekalung penghargaan khususnya kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

serta Suruhanjaya Tenaga (ST).
"Atas peranan mereka dalam memungkinkan langkah ini diambil kadar segera," katanya.

Peningkatan guna elektrik
Menurut Anwar, keadaan jerebu serta cuaca yang lebih panas mutakhir ini mendorong peningkatan penggunaan elektrik dalam

kalangan sebahagian isi rumah.
"Ia menyebabkan penggunaan bulanan mereka melepasi paras 600 kWj dan menyebabkan kenaikan bil yang luar biasa.

"Justeru itu, Kerajaan MADANI akan terus memantau rapi perkembangan kos bahan api dan keadaan pasaran tenaga semasa. "Ia bagi memastikan sebarang

Mesyuarat khas teliti langkah segera atasi kenaikan bil elektrik



Keratan akhbar BH, semalam.

keputusan berkaitan tarif elektrik mengambil kira keseimbangan antara kemampuan dan beban hidup rakyat, keterjaminan bekalan elektrik dan kemampuan sektor tenaga negara," tambahnya.

Kenyataan itu menyusul selepas mesyuarat khas di Kementerian Kewangan membincangkan langkah mitigasi bagi mengurangkan kesan kenaikan bil elektrik terhadap isi rumah.

Mesyuarat dipengerusikan sendiri Perdana Menteri itu dihadiri Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Datuk Seri Fadillah Yusof, selain pengurusan tertinggi TNB dan ST.